



UJI MENTALITI MENUNGGANG KUDA DI TAMAN WETLAND PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 25 SEPTEMBER 2022 – Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg Dato' TPr. Fadlun Bin Mak Ujud menyempurnakan penyampaian hadiah pemenang Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden 2022 bertempat di padang Semarak, Taman Wetland Putrajaya.

Kejohanan ini telah memasuki penganjuran ketiga bertujuan untuk mempromosikan Putrajaya sebagai pusat pelancongan sukan dan lokasi sukan berkuda antarabangsa iaitu di Taman Wetland Putrajaya dan Taman Equestrian Putrajaya. Di samping itu, acara ini dapat menggalakkan aktiviti gaya hidup sihat di kalangan komuniti Putrajaya dan penggemar sukan berkuda di Malaysia. Selain itu, kejohanan ini juga dapat mengeratkan hubungan kerjasama di antara Pasukan Berkuda Agensi Kerajaan yang ada di Malaysia seperti Pasukan Berkuda Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan kelab-kelab kuda swasta.

Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden 2022 telah menarik sebanyak 70 penyertaan dan akan menguji kemahiran, mental peserta serta ketahanan kuda masing-masing melalui trek lasak sepanjang 40 km mengelilingi Wetland Putrajaya. Peserta akan dinilai melalui keadaan fizikal dan kesihatan kuda mereka antaranya kadar degupan jantung 64bpm, kelajuan menunggang minimum 8km/jam dan maksimum 16km/jam serta lain-lain faktor.

Juara kejohanan membawa pulang wang tunai RM1,500 beserta piala. Bagi Naib Juara pula akan menerima wang tunai RM1,000, tempat ketiga RM700 dan tempat keempat hingga kesepuluh akan menerima sebanyak RM200. PPj juga turut menyediakan 20 cabutan bertuah kepada para peserta yang bertuah.

Trek kuda lasak Taman Wetland Putrajaya merupakan trek yang menjanjikan keselesaan dan kepuasan menunggang kerana mempunyai permukaan trek yang kebanyakannya rata, luas dan bebas dari keadaan yang boleh mendatangkan bahaya kepada kuda. Selain itu trek ini juga turut memaparkan pemandangan menarik keindahan Putrajaya untuk dinikmati.

Lumba kuda lasak merupakan sukan lumba jarak jauh terkawal yang menguji ketahanan kuda untuk sampai ke penamat yang diiktiraf oleh *Fédération Équestre*

Internationale (FEI). Kuda yang pertama sampai akan dikira pemenang namun kuda hendaklah melepasi pemeriksaan doktor veterinar sebelum boleh meneruskan perlumbaan. Ianya juga menguji penunggang untuk membantu memastikan kuda dapat menamatkan perlumbaan dengan jayanya.



TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK

Pengarah

Komunikasi Korporat

Perbadanan Putrajaya

Tarikh 25 September 2022

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 019-3354346.